

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI HAJI
ABDUL KARIM [BATANG LUPAR]**
TARIKH : **25 NOVEMBER 2020 (RABU)**

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah garis panduan yang digunakan dalam kaedah pembelajaran secara atas talian yang dihadapi oleh pelajar, guru dan pensyarah serta bentuk sokongan kepada pelajar dan ibu bapa bagi memastikan kaedah ini dapat diakses oleh semua.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penularan wabak pandemik COVID-19 memerlukan semua Institut Pengajian Tinggi (IPT) melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara dalam talian dan jarak jauh (*remote learning*). PdP dalam talian bukanlah sesuatu perkara yang baharu di IPT. Perkara ini telah ditekankan melalui Lonjakan 9, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi) yang secara khusus telah memperuntukkan perkara berkaitan Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global.

Kementerian telah memberi kuasa autonomi kepada semua IPT di dalam mengeluarkan garis panduan PdP dalam talian mengikut kesesuaian infrastruktur dan infostruktur masing-masing. Walau bagaimanapun, UA perlu merujuk segala panduan dan peraturan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa seperti *Malaysian Qualifications Agency* (MQA) bagi menjamin kualiti PdP dalam talian.

NO. SOALAN : 11

Kementerian juga dalam tindakan mengumpulkan garis panduan yang dihasilkan oleh semua UA untuk dijadikan sebagai panduan/amalan terbaik PdP dalam talian pada masa akan datang. Dokumen yang dikumpulkan dijangka siap pada bulan November 2020.

Bagi menyokong pelajar di dalam menjalani PdP dalam talian, Kementerian telah bekerjasama dengan pihak IPT dalam menyelaraskan empat jenis bantuan pakej pelan data dan peranti kepada pelajar. Empat (4) jenis bantuan pakej pelan data dan peranti yang disediakan Kementerian kepada pelajar adalah:

- a) Bantuan Kewangan Prihatin *One-Off* **RM50** kepada **76,153 pelajar baharu** Universiti Awam (UA) bagi sesi akademik 2020/2021 bagi tujuan langganan awal pelan data dengan peruntukan **RM3.8 juta**;
- b) Bantuan pelan data berbentuk kad sim atau sumbangan tunai kepada **320,396 pelajar UA** dari golongan B40 dengan anggaran peruntukan sebanyak **RM 24 juta**. Sebanyak 225,784 unit Kad SIM telah dan akan diagihkan kepada pelajar dengan kerjasama syarikat Yayasan YTL, Celcom dan redONE. Baki seramai 94,612 orang pelajar pula akan mendapat pemberian tunai bagi tujuan pembelian pelan data melalui dana dalaman Universiti, Tabung Kebajikan dan lain-lain;
- c) Bantuan memiliki peranti kepada **8,965 pelajar UA** dari golongan B40 (Bersasar) dengan anggaran peruntukan **13.4 juta**. Seramai 5,965 orang pelajar bakal menerima bantuan komputer riba secara percuma. Selain itu, seramai 2,700 orang pelajar pula akan menerima bantuan dalam bentuk pemberian tunai bagi tujuan yang sama manakala seramai 300 orang pelajar akan menikmati bantuan pinjaman kewangan bagi memiliki komputer riba. Bantuan ini adalah menerusi dana seperti Dana Universiti Awam, Lembaga Tabung Haji, Yayasan, Tabung Kebajikan Pelajar, Zakat dan Wakaf; dan
- d) Bantuan pakej-pakej pelan data dan peranti istimewa kepada **semua pelajar IPT** dengan kerjasama rakan strategik iaitu Celcom, Digi, TM Unifi, Maxis, Acer dan Samsung.

NO. SOALAN : 11

Selain itu, dalam memastikan pelajar mendapat akses internet, Kementerian juga telah bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) di dalam memberi hebahan kepada 20 UA berkenaan maklumat lokasi bagi 871 pusat internet komuniti (PIK) di bawah seliaan SKMM yang boleh diakses di kawasan bandar dan luar bandar seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.

KPT turut menggalakkan koordinasi sesama IPT agar Eduroam di institusi masing-masing dapat dimanfaatkan pelajar IPT di kawasan berdekatan menggunakan kemudahan dan akses internet untuk tujuan melaksanakan PdP dalam talian.

Sekian, terima kasih.